

9.0 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Laporan Pelan Induk Landskap ini akan menjadi asas rujukan dan panduan dalam perancangan dan pelaksanaan projek landskap oleh semua agensi pelaksana sejajar dengan aspirasi kerajaan menjadikan Malaysia sebagai Negara Taman amnya dan Miri khususnya sebagai Bandaraya Peranginan yang berkonsepkan Budaya dan Alam Semula jadi (Culture & Nature).

Melalui penyediaan Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Miri ini, ia akan mampu mengawal pembangunan fizikal, pemeliharaan alam semula jadi dan mengekalkan keseimbangan ekologi berteraskan ciri-ciri pembangunan mampan untuk kesejahteraan rakyat dan negara.

Penyediaan dasar serta garis panduan landskap adalah untuk merancang, melaksana dan menyelenggara pembangunan landskap serta membantu majlis dan pihak-pihak pelaksana dalam menguatkuasakan undang-undang.

Ciri-ciri budaya penduduk Bandar Miri seperti mana yang telah dikenal pasti dalam Laporan Teknikal perlu diterapkan ke dalam rekabentuk landskap bagi mengekalkan imej dan identiti penduduk Negeri Sarawak.

Dengan mengenal pasti aset-aset semula jadi yang ada di Bandar Miri seperti pantai yang indah, gua yang unik, taman negara, flora dan fauna yang pelbagai akan dapat menarik lebih ramai pengunjung serta meningkatkan aktiviti-aktiviti pelancongan di Bandar Miri.

Kajian ini akan memberi arah tuju kepada Majlis Perbandaran Miri dan badan-badan pelaksana yang terlibat dalam pembangunan fizikal landskap supaya lebih teratur, terancang, indah dan berbudaya.

Kajian Pelan Induk Landskap ini juga menyentuh tentang kaedah pemuliharaan dan penyelenggaraan landskap bagi mengekalkan nilai estetik tanaman hiasan tersebut.

Kesimpulannya, menerusi Laporan Pelan Induk Landskap Majlis Perbandaran Miri dapat mewujudkan pembangunan landskap yang menyeluruh, berfungsi, berkualiti, menarik dan mesra pengguna bagi

merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk menjadikan Bandar Miri sebagai Bandaraya Peranginan pada tahun 2005.